



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

LELAKI QAWWAM, BUKAN SEKADAR NAMA

Tarikh Dibaca:

**18 RABIULAKHIR 1447H /
10 OKTOBER 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قُلْتُمْ فَاسْتَعِينُوا بِرَبِّكُمْ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

LELAKI QAWWAM, BUKAN SEKADAR NAMA

10 OKTOBER 2025 / 18 RABIULAKHIR 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا﴾

[النساء 34]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian dan janganlah sibuk dengan apa-apa jua perkara *lagha* yang boleh mengalihkan tumpuan daripada khutbah ini. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: '**Lelaki Qawwam, Bukan Sekadar Nama**'.

Sebelum meneruskan khutbah, saya ingin menyeru saudara-saudara sekalian untuk terus bermunajat dan memohon pertolongan kepada Allah SWT agar memberi pertolongan kepada penduduk Palestin terutamanya di Gaza yang ditindas teruk oleh rejim zionis Israel. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kita melainkan dengan mengharapkan pertolongan dan kekuatan Allah SWT jua.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Lelaki yang sejati bukan sekadar dinilai pada kekuatan tubuh, tetapi pada kewibawaan dan keteguhan jiwanya. Allah SWT telah menetapkan lelaki sebagai pemimpin dalam keluarga, suami kepada isterinya, bapa kepada anak-anaknya, dan anak yang tetap berbakti kepada ibu bapanya hingga ke akhir hayat. Itulah tanggungjawab besar yang mesti digalas dengan penuh amanah dan rasa takut kepada Allah.

Allah SWT berfirman dalam Surah an-Nisaa' ayat 34 yang bermaksud:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukul mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar”.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Lelaki yang berwibawa ialah mereka yang punya sifat kelelakian yang sebenar meliputi sifat berani, sabar, kuat jiwa dan tidak mudah putus asa. Bukan hanya teguh dari luar, tetapi kukuh dari dalam. Dia tidak lari apabila diuji, tidak mengeluh apabila mengalami kesusahan, dan sentiasa bertanggungjawab terhadap keluarga yang dipimpinnya.

Ingatlah, kepimpinan seorang lelaki bukan diukur waktu senang semata-mata, tetapi ketika berdepan dengan kesulitan hidup. Lelaki yang hebat ialah yang mampu menenangkan keluarganya saat ribut melanda, membimbing mereka ke arah kebenaran, dan menjadi contoh teladan yang baik. Inilah pemimpin yang akan melahirkan keluarga yang *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*, iaitu keluarga yang menjadi sumber ketenangan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Lelaki yang benar-benar *qawwam* ialah lelaki yang adil dan amanah. Dia tahu setiap keputusan yang dibuat akan memberi kesan kepada keluarganya. Sebab itu, dia tidak sewenang-wenangnya menggunakan kuasa sebagai ketua rumah, tapi menegakkan keadilan dengan hati yang bersih dan niat kerana Allah. Amanah pula menjadikan dia jujur dalam mencari rezeki, bertanggungjawab dalam nafkah, dan tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap isteri, anak-anak, mahupun ibu bapanya. Inilah ciri utama seorang lelaki yang boleh dijadikan tempat bergantung dan tempat mencari ketenangan.

Selain itu, lelaki *qawwam* juga mesti perkasa dan berwibawa, bukan sekadar gagah pada tubuh, tetapi kuat pada semangat dan peribadi. Dia tegas apabila perlu, lembut pada tempatnya. Dia mampu berdiri teguh ketika diuji dan tetap sabar ketika dicabar. Wibawa seorang lelaki lahir daripada akhlak dan keyakinan dirinya, bukan daripada suara yang tinggi atau tangan yang kasar. Lelaki seperti ini disegani bukan kerana takut, tetapi kerana dihormati.

Akhirnya, lelaki *qawwam* ialah lelaki yang bertekad dan berpandangan jauh. Dia penyantun dalam tutur katanya, bijak membaca masa depan, dan sentiasa berusaha memperbaiki dirinya serta keluarganya. Fikirannya tidak hanya tentang hari ini, tapi tentang hari esok iaitu bagaimana anak-anaknya membesar dalam iman, bagaimana keluarganya kekal dalam rahmat Allah. Inilah lelaki yang bukan sahaja memimpin dengan kata-kata, tetapi dengan teladan dan tindakan. Lelaki yang menjadi pelindung di dunia, dan pembimbing menuju syurga. Ini sesuai dengan perintah Allah SWT dalam Surah at-Tahrim ayat 6:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Seorang ketua keluarga mesti benar-benar mengambil berat tentang keluarganya. Jangan biarkan ahli keluarga terjebak dalam dosa atas nama kasih sayang atau takut menegur, kerana itu bukan tanda sayang tetapi hilangnya maruah seorang lelaki. Lelaki *qawwam* bukan sekadar mencari nafkah, tetapi juga membimbing keluarganya mendirikan solat, menjaga maruah, dan hidup dalam iman. Dialah pemimpin sejati yang membawa keluarganya menuju redha dan syurga Allah.

Rasulullah SAW memberi amaran keras bahawa orang yang membiarkan keburukan berlaku dalam keluarganya disebut sebagai dayus. Dalam hadis sahih, baginda menyebut tiga golongan yang Allah tidak akan pandang pada hari kiamat iaitu anak yang derhaka kepada ibu bapanya, wanita yang menyerupai lelaki, dan lelaki dayus. Dalam riwayat lain, disebut bahawa tiga golongan yang diharamkan Allah daripada masuk syurga ialah peminum arak, anak yang derhaka, dan dayus, iaitu lelaki yang membiarkan kemungkaran dalam keluarganya.

Ulama menjelaskan, dayus ialah lelaki yang tidak cemburu terhadap kehormatan keluarganya, yang membiarkan isteri, anak atau ahli keluarganya melakukan perkara maksiat tanpa rasa peduli. Dia tahu ada dosa di depan mata, tetapi dia diam dan tidak menegah. Sedangkan sifat cemburu yang berlandaskan iman itu tanda maruah dan kasih sejati. Lelaki yang benar-benar beriman tidak sanggup melihat keluarganya jauh daripada ajaran Islam. Maka, peliharalah rumah tangga kita dengan ilmu, dengan iman dan dengan tegas menegakkan kebenaran. Jangan sampai kerana kelekaan atau kasih yang tidak

kena tempatnya, kita menjadi antara golongan yang dipalingkan wajahnya oleh Allah di akhirat kelak.

Justeru mengakhiri khutbah, saya rumuskan beberapa intipati khutbah;

Pertama: Lelaki sejati ialah pemimpin yang memimpin dengan iman, memikul amanah keluarga dengan adil dan takut kepada Allah, bukan dengan kuasa tetapi dengan kasih, tanggungjawab dan jiwa yang teguh.

Kedua: Lelaki sejati ialah pemimpin yang adil, sabar dan berwibawa, yang memimpin keluarganya dengan iman, melindungi mereka dari maksiat, serta menuntun mereka menuju redha dan syurga Allah.

Ketiga: Lelaki beriman tidak membiarkan dosa bermaharajalela dalam keluarganya, kerana membisu atas maksiat bukan tanda kasih, tetapi hilangnya maruah dan takutlah menjadi antara yang dipalingkan wajahnya oleh Allah di akhirat kelak.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 21:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ

اللَّهُ كَثِيرًا ۖ﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٩٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ اَكْخُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغِ فَرْمَايسُورِي اَكْخُوغْ، رَاغِ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Bantulah mereka yang kini sedang kelaparan, kesakitan, dan kesulitan. Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh. Ya Allah! Engkau hancurkanlah pasukan musuh dan goncangkanlah mereka. Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah, Tuhan yang Maha Menguatkan! Tabahkanlah hati kami dalam menempuh gelombang ujian dunia yang kian mencabar ini. Jangan biarkan kami goyah di saat iman diuji dan jangan Kau palingkan hati kami setelah Kau beri petunjuk. Jadikanlah kami serta zuriat keturunan kami antara hamba-hamba-Mu yang tetap mendirikan solat dan sentiasa mengingati-Mu. Lindungilah kami, wahai Tuhan Yang Maha Penyayang, daripada kemurkaan-Mu dan segala bala bencana baik kemarau yang memeritkan, banjir yang memusnahkan, gempa yang menggoncang, serta angin yang membinasakan. Peliharalah kami daripada kesesatan, kejahilan dan segala kejahatan, sama ada yang tampak mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiadalah daya dan kekuatan bagi kami melainkan dengan pertolongan dan rahmat-Mu jua, Engkaulah sebaik-baik pelindung dan seagung-agung penolong.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعْظَمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.